

11 JUN 2001

MAHATHIR-KEWANGAN

MENTERI KEWANGAN MESTI BERSIH DAN TIDAK KONTROVERSI

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih belum memutuskan calon bagi Menteri Kewangan tetapi menyatakan calon yang bakal dipilih mestilah seorang yang tahu "mengenai kewangan, bersih dan bukan tokoh yang kontroversi".

"Beliau (calon itu) mungkin seorang ahli politik, mungkin bukan ahli politik, saya tidak tahu. Saya mahu memikirkannya dengan terperinci bagi memutuskan sesuatu yang saya rasa sangat penting kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau belum menyenarai pendek calon-calon bagi jawatan itu yang sebelum ini dipegang oleh Tun Daim Zainuddin, yang meletakkan jawatan pada 1 Jun lalu selepas bercuti selama dua bulan.

Perdana Menteri ketika ini mengambilalih jawatan Menteri Kewangan.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan sebuah buku bertajuk "Wawasan Terlaksana -- Perubahan Perbadanan Minyak Negara." Buku itu adalah mengenai sejarah Petronas dan aktivitinya sejak 25 tahun lalu.

Apabila ditanya sama ada beliau akan terus menjadi Menteri Kewangan, beliau berkata: "Tanggungjawab sebagai Perdana Menteri adalah sangat berat begitu juga Menteri Kewangan, oleh itu akan usahakan bagaimana untuk mengendalikannya sehingga saya menemui calon bagi Menteri Kewangan".

Dr Mahathir berkata beliau sedang menimbangkan segala kemungkinan bagi pelantikan itu termasuk mewujudkan jawatan Menteri Kewangan kedua, seperti mana yang berlaku ketika krisis ekonomi serantau pada 1998.

Ketika ini Dr Mahathir juga mengambialih portfolio Menteri Kewangan.

"Saya perlu mengkaji perkara itu, ia adalah satu pelantikan yang sangat serius, saya tidak boleh menyerahkan sewenang-wenangnya kepada sesiapa sahaja, saya perlu menghabiskan sedikit masa untuk menilainya," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan menteri kewangan yang baru akan menjadi bendahari UMNO, kedudukan yang turut dikosongkan oleh Daim.

Ditanya mengenai spekulasi terdapat perselisihan pendapat antara beliau dan Daim, Dr Mahathir berkata: "Tiada perselisihan. Saya rasa ia pengunduran mesra. Beliau rasa mungkin ada orang yang tidak menghargai apa yang beliau lakukan dan beliau memikirkan adalah tiba masanya untuk meninggalkan kerajaan."

Ditanya samada benarkah rumah Daim telah digeledah oleh polis, Dr Mahathir berkata beliau berkata: "Tidak, apa yang saya tahu tidak. Saya tidak tahu samada ada orang yang melakukannya tetapi saya tentunya tidak tahu langsung."

SR MR ZK JR